

13/09/2003

Sumbangan Dr Mahathir diabadikan dalam lukisan

SERI KEMBANGAN: Sumbangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sepanjang 22 tahun kepada Malaysia kini diabadikan dalam lukisan daripada pelukis profesional negara.

Usaha yang dijalankan Country Heights Holdings Bhd dan The One Academy itu dipamerkan di Hotel Palace of Golden Horses di sini baru-baru ini dan dirasmikan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Abdul Kadir berkata, lukisan berkenaan sepatutnya dipamerkan di Balai Seni Lukis Negara untuk memudahkan rakyat dan peminat seni melihat hasil lukisan berkenaan.

"Usaha Country Heights Holdings ini adalah satu usaha yang mencerminkan semangat Bangsa Malaysia yang mahu mempromosikan semangat patriotik melalui lukisan daripada The One Academy," katanya.

Pengetua The One Academy, Tatsun Hoi, berkata, sebuah lukisan membawa seribu makna.

"The One Academy mencari jalan untuk berkomunikasi dengan semua peringkat rakyat Malaysia mengenai kejayaan kerajaan dan lukisan berkenaan tidak mempunyai halangan bahasa, umur atau pemahaman," katanya.